

29/05/2001

Sikap negatif punca pelajar tersasar

SINTOK, Isnin - Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mahu pelajar mensasarkan kecemerlangan dalam apa saja bidang yang diceburi bagi membantu negara membangun lebih pesat setanding negara maju lain.

Katanya, kekurangan ilmu, nilai peribadi rendah, keruntuhan moral dan tidak mempunyai jati diri yang tinggi akan mendorong keruntuhan masyarakat dan negara.

Isteri Perdana Menteri yang juga Penasihat Utama Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu (PPKPKP) berkata, sikap negatif pendidikan menyebabkan ramai pelajar tersasar jauh dari matlamat negara.

"Justeru, pencapaian akademik yang cemerlang dengan memelihara akhlak dan disiplin tinggi bukan saja dapat memajukan diri, malah membantu masyarakat dan negara," katanya ketika menutup Kem Siber 2001 anjuran Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu dan Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, hari ini.

Kem pertama seumpama itu di negara ini bertujuan mendedahkan pelajar sekolah menengah dengan kemahiran komputer, terutama pelajar kurang mampu. Turut hadir, Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohammad Noor Salleh dan Pegawai Daerah Kubang Pasu, Ismail Hamid.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu adalah penaung PPKPKP.

Dr Siti Hasmah berkata kem itu diadakan khusus untuk memberikan peluang kepada pelajar menimba kemahiran komputer ketika cuti persekolahan.

(END)